

201 kes ketirisan gas LPG diambil tindakan

Kuala Lumpur: Sebanyak 201 kes berkaitan ketirisan gas petroleum cecair (LPG) subsidi diambil tindakan di seluruh negara membabitkan nilai ramasan berjumlah RM3,531,857 sejak Januari 2019.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Rosli Ahmad berkata, tindakan membabitkan sitaan silinder gas LPG sebanyak 16,042 unit hasil operasi dilakukan pihaknya.

Menurutnya, KPDNHEP sudah mengambil pelbagai langkah pembangunan dasar dan penguatkuasaan seperti mewujudkan Pelan Tindakan Menangani Penyelewengan LPG Bersubsidi dan operasi bersama agensi penguatkuasaan bagi menangani isu ketirisan ini.


"Malah KPDNHEP menjalankan pemeriksaan berkala, naziran serta pengauditan ke atas industri-industri yang menggunakan LPG dalam operasi perniagaan mereka bagi menangani kegiatan penyeludupan

dan penyelewengan LPG bersubsidi," katanya.

Beliau berkata, sekiranya hasil naziran mendapat terdapat penyelewengan dan penyeludupan LPG bersubsidi, KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 atau Akta Pencegahan Pembentayaan Keganasan dan Hasil daripada aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUA 2001).

"Hasil pemeriksaan dan naziran dijalankan oleh KPDNHEP mendapat kawasan-kawasan perindustrian dan sempadan negara adalah lokasi yang kerap berlakunya aktiviti penyelewengan LPG bersubsidi," katanya.

Dalam rumusan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, kerajaan didakwa menanggung kerugian hampir RM1.717 bilion dalam tempoh dua tahun akibat penggunaan silinder LPG bersubsidi oleh pengguna bukan daripada golongan sasar.



PENGARAH Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah (dua dari kiri) memeriksa tong gas LPG subsidi.

